

KONSEPTUAL PONDOKSTAY DALAM PELANCONGAN PENDIDIKAN ISLAM BERTERASKAN KOMUNITI

Mahfuzah Mohammed Zabidi¹, Ahmad Fakhrurrazi Mohammed Zabidi², Nur Najwa Hanani Abd. Rahman³, Norbaiti Tukiman⁴, & Akmaliza Abdullah⁵

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Pasir Gudang, Johor¹

*Pusat Kajian Al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor²*

*Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor³*

Fakulti Sains dan Matematik, UiTM Pasir Gudang, Johor⁴

mahfuzah3051@uitm.edu.my¹

ABSTRACT

Pondok institutions have their own advantages in terms of education and tourism. Despite the *fact that this institution is frequently visited by the general public, the potential of pondok as an Islamic educational tourism destination has yet to be fully explored. This article focuses on the conceptualization, criteria, and uniqueness of the pondokstay institution in Islamic educational tourism based on the Pondok community. This is a qualitative study that employs document analysis, observation, and interviews. Several levels of discussion were held in order to establish the validity of the concept of pondokstay. This study discovered three cores that underpin the conceptualization of pondokstay: community-based tourism, Islamic tourism, and educational tourism. Furthermore, there are ten main criteria of pondokstay that can be used as a guide for pondok institutions in Malaysia to offer pondok stays in their respective pondok institutions, which are teachers, students, scriptures, daily practise, Islamic environment, accommodation, amenities, accessibility, attractiveness, and tourism activities. Pondokstay, in addition to being a form of Islamic education tourism, can also be a source of revenue for pondok institutions and a means of spreading Islamic knowledge and values to local and foreign communities.*

Keywords: pondok, pondokstay, educational tourism, Islam education, Islamic community

ABSTRAK

Institusi pondok memiliki kelebihan tersendiri dari sudut pendidikan dan pelancongan. Namun begitu, potensi pondok sebagai destinasi pelancongan pendidikan Islam masih belum sepenuhnya diteroka meskipun institusi ini sering dikunjungi oleh masyarakat umum. Artikel ini mengetengahkan pembangunan konseptual serta kriteria dan keunikan institusi pondokstay dalam pelancongan pendidikan Islam berteraskan komuniti pondok. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen, pemerhatian dan temubual. Beberapa tahap perbincangan dilakukan bagi mendapatkan kesahan terhadap konseptual pondokstay. Hasil kajian ini mendapat tiga teras yang mendasari konseptual pondokstay iaitu pelancongan berasaskan komuniti, pelancongan Islam dan pelancongan pendidikan. Selain itu, terdapat sepuluh kriteria utama pondokstay iaitu tuan guru, pelajar, kitab, amalan harian, persekitaran islamik, penginapan, *amenities*, kebolehsampaian, daya tarikan dan aktiviti pelancongan yang boleh dijadikan panduan kepada institusi pondok di Malaysia bagi menawarkan pondokstay di institusi pondok masing-masing. Selain menjadi salah satu bentuk pelancongan pendidikan Islam, pondokstay juga dapat menjadi saluran penjanaan pendapatan bagi institusi pondok dan medium penyebaran ilmu dan nilai Islam kepada masyarakat dalam dan luar negara.

Kata kunci: Pondok, pondokstay, pelancongan pendidikan, pendidikan Islam, komuniti Islam

PENDAHULUAN

Institusi pondok menjadi mercu tanda penyebaran dan perkembangan ajaran Islam di Nusantara. Kekuatan institusi pondok dalam memelihara keaslian ilmu Islam kepada generasi semasa bukan sahaja boleh dimanfaatkan dalam sektor pendidikan Islam, malah juga pelancongan. Dalam sektor pendidikan, keaslian ilmu Islam yang berteraskan pemikiran Ahli Sunnah Wal Jamaah dipelihara dengan sebaiknya oleh komuniti pondok menerusi pengajian kitab *turath* dan kitab jawi (Syuhaida Idha et al. 2016). Kewujudan institusi pondok menjadi tulang belakang kepada penyebaran ilmu Islam bukan sahaja di Malaysia, malah juga dalam kalangan masyarakat Melayu di Indonesia, Pattani, Borneo dan sebagainya.

PERNYATAAN MASALAH

Masyarakat umum mengetahui bahawa kebanyakan institusi pondok berdepan dengan cabaran mendapatkan sumber kewangan yang kukuh, sedangkan institusi pondok memiliki keunikan budaya dan nilai hidup yang boleh diketengahkan kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa menerusi aktiviti pelancongan pendidikan. Dalam masa yang sama, pengkaji lepas mendapati aspek pembangunan insan kurang diberi penekanan dalam pelancongan pendidikan. Aktiviti libur dan santai lebih dominan berbanding aspek pendidikan yang melibatkan pembinaan intelektual dan rohani yang sepadu dan seimbang. Dalam konteks pelancongan pendidikan Islam, sekalipun terdapat sisipan aktiviti berteraskan keagamaan seperti melawat makam, masjid, muzium Islam dan sebagainya namun aktiviti tersebut masih bersifat luaran dan tidak menjurus kepada penghayatan dan perubahan cara hidup ke arah yang lebih baik (Auni Aisha et al. 2018, Samsir et al. 2017).

Satu kajian dilakukan untuk membangunkan konseptual pondokstay sebagai salah satu bentuk pelancongan pendidikan Islam yang lebih komprehensif terutamanya dari aspek penghayatan insan bersepadau serta membolehkan institusi pondok dan warganya menjana pendapatan yang lebih stabil. Artikel ini menumpukan kepada dua objektif iaitu i) menghuraikan kerangka teras bagi konseptual pondokstay dan ii) membahaskan kriteria dan keunikan utama pondokstay. Kajian ini dilakukan sebagai usaha mengetengahkan potensi pondok dalam bidang pelancongan pendidikan.

METODOLOGI


Kajian ini bersifat kualitatif yang menggabungkan kaedah temubual dan analisis dokumen. Pada peringkat awal, penyelidik melakukan tinjauan literatur menggunakan kata kunci pelancongan Islam, pelancongan pendidikan, pelancongan berteraskan komuniti dan institusi pondok. Pengkaji kemudiannya turun ke lapangan untuk melakukan pemerhatian dan temubual dengan mudir dan warga pondok dengan menggunakan teknik persampelan bertujuan dan diikuti dengan teknik persampelan *snowball*. Pemilihan institusi pondok dilakukan berdasarkan faktor potensi pelancongan pendidikan seperti (i) kemudahan laluan pengangkutan, (ii) kemudahan komunikasi dan (iii) lokasi yang berdekatan dengan pusat pelancongan yang lain.

Temubual dengan warga pondok khususnya mudir dan pengurusan pondok dijalankan untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai idea awal penubuhan pondokstay. Pemerhatian yang dilakukan ke atas institusi pondok membolehkan pengkaji melihat sendiri suasana pembelajaran, fasilititi, prasarana, program dan potensi yang terdapat di pondok berkenaan. Data

pemerhatian dan temubual kemudiannya dianalisis secara tematik untuk mendapatkan elemen utama pondokstay yang lebih kemas. Analisa data dilakukan secara separa transkrip menggunakan kaedah manual dan diperkuuhkan dengan menggunakan Atlas.Ti 8.0 bagi mendapatkan tema-tema khusus untuk pondokstay.

Tema dan perincian aspek pondokstay yang disusun seterusnya dibentangkan dan dibincangkan dalam sesi meja bulat berfokus yang melibatkan ahli akademik dalam bidang pendidikan Islam dan pelancongan, warga pondok serta penggiat industri pelancongan Islam. Input yang diperoleh dari sesi meja bulat tersebut dianalisis untuk membangunkan rangka konseptual pondokstay yang lebih lengkap. Draf rangka konseptual pondokstay yang dibangunkan seterusnya dibentangkan kepada empat orang pakar. Beberapa input dan cadangan diterima untuk menambahbaik hasil kajian. Berdasarkan cadangan pakar, lawatan kali kedua dilakukan ke institusi pondok terpilih seperti Yayasan Al-Jenderami bagi melihat persekitaran, bilik, kemudahan ruang, kelengkapan kawasan serta aktiviti pelancongan yang boleh dianjurkan oleh institusi pondok. Input yang diperolehi dari lawatan ini dimanfaatkan untuk mengukuhkan lagi konseptual pondokstay yang ingin dibangunkan. Proses pembangunan konseptual pondokstay digambarkan dalam rajah 1 di bawah.

Rajah 1: Metodologi dan proses pembangunan konseptual pondokstay



KERANGKA TERAS KONSEPTUAL PONDOKSTAY

Konseptual pondokstay dibangunkan berteraskan tiga teras utama iaitu (i) pelancongan Islam, (ii) pelancongan pendidikan dan (iii) pelancongan berteraskan komuniti.

Pelancongan Islam dikenali sebagai pelancongan halal, pelancongan syarie dan pelancongan mesra Muslim. Pertubuhan pelancongan Islam sedunia mendefinisikan pelancongan Islam ialah aktiviti mengembara dan keluar ke tempat yang agak tidak biasa untuk melakukan aktiviti yang diharuskan dalam Islam yang terdapat di tempat tersebut. Tujuan melancong bukan setakat untuk berseronok atau melepaskan tekanan, malah termasuk dalam tujuan melancong itu sebagai melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT (Crescent Rating 2015, SESRIC 2017).


Aspek yang paling utama membentuk pelancongan Islam adalah nilai kepatuhan kepada ajaran Islam dalam segenap aspek pelancongan sama ada dari sudut pelancong atau pengendali perkhidmatan pelancongan (Siti Nur Aafifah & Muslihah 2018, Haliza 2018). Keinsafan dari

pengalaman dan proses memerhati serta merenung alam semasa pengembaraan dan pelancongan mampu menguatkan iltizam ketaqwaan agar lebih komited menjadi hamba dan khalifah-Nya (Jabil et al. 2017, Siti Nur Aafifah & Muslihah 2018).

Selain itu, pelancongan Islam melibatkan keseimbangan dalam memenuhi tuntutan dunia dan akhirat. Hal ini direalisasikan dengan (i) **tujuan** melancong adalah baik dan dibenarkan syariat, (ii) **aktiviti** keseronokan dan kerehatan semasa melancong berada dalam batasan syariah, (iii) **tidak mencampuradukkan** perkara yang haram seperti berjudi, minum arak semasa melancong, (iv) mementingkan nilai iman dan akhlak (v) strategi pemasaran yang berteraskan nilai Islam (vi) segala barang dan perkhidmatan yang disediakan mengikut peraturan Islam (Duman 2011, Scott & Jafari 2010). Berpandukan ciri-ciri ini, pelancongan Islam juga melibatkan pembangunan sosial, pembangunan fizikal, pembangunan rohani, ekonomi, nilai agama, pendidikan, budaya dan kemasyarakatan.

Pelancongan pendidikan pula ditakrifkan sebagai program yang melibatkan individu atau kumpulan melakukan perjalanan ke destinasi tertentu dengan tujuan mempelajari sesuatu pengalaman dan pengetahuan tentang destinasi tersebut. Destinasi yang terlibat dalam pelancongan pendidikan adalah tempat baru dan belum pernah dikunjung. Pengunjung berpeluang membina pengalaman secara terus sama ada sepanjang perjalanan maupun di destinasi dalam tempoh semalam sehingga kurang dari setahun (Ritchie 2006, Ruzanna Syamimi et al. 2011). Pelancongan pendidikan tidak terhad kepada golongan pelajar, malah melibatkan pelancong dewasa, para pensyarah atau profesional, kanak-kanak dan golongan awam yang ingin mempelajari atau menimba ilmu tentang sesuatu perkara yang belum diketahuinya (Anastasia & Peter 2018).

Pelancongan pendidikan bergantung kepada aktiviti yang disusun sepanjang tempoh pelancongan sama ada aspek pembelajaran yang menjadi tujuan primer (*education first*) ataupun sekunder (*tourism first*) (Ritchie 2006).



Sumber: Ritchie (2006)

Lantaran itu, pelancongan pendidikan boleh berlaku dalam tempat yang (i) formal seperti di universiti yang melibatkan pengiraan jam kredit kursus tertentu, atau berlaku (ii) secara tidak formal di tempat yang kaya dengan tarikan alam, sejarah atau budaya agar dapat memberikan pengalaman dan pembelajaran kepada peserta menerusi penerokaan kendiri (Afandi Fikri, 2007, Mcgladdery & Lubbe 2017, Ng Sheue Li et al. 2016). Pelancongan pendidikan juga boleh berlangsung dalam bentuk kursus jangka pendek, lawatan ke tempat bersejarah ataupun muzium, lawatan ke kediaman tokoh atau ulama, menghadiri program akademik, menyertai program pertukaran pelajar, lawatan ke sekolah terkenal, (Habibah et al. 2014, Ng Sheue Li et al. 2016).

Bagi memastikan elemen pendidikan berlangsung dalam trip pelancongan, peserta atau pelajar perlu dirangsang dan dipandu untuk melakukan refleksi terhadap pengalaman yang dirasai sepanjang perjalanan (Pitman et al. 2010). Hal ini disebabkan oleh faktor utama yang menjayakan sesuatu trip pelancongan pendidikan adalah daripada diri pelajar itu sendiri yakni keinginan dirinya untuk mempelajari sesuatu. Antara cara untuk merangsang proses refleksi tersebut, trip pelancongan pendidikan perlu berlaku dalam suasana di luar pengalaman biasa seseorang (Mcgladdery & Lubbe 2017, Van T. Klooster 2014).

Proses refleksi terhadap pengalaman tersebut dapat membina kefahaman serta idea baharu ataupun perubahan kepercayaan yang sedia ada dapat dibina. Seterusnya, kefahaman yang dibina dalam situasi yang baharu sepanjang kehidupan dapat diaplikasikan. Aplikasi model ini dalam pelancongan pendidikan memberikan peluang kepada peserta atau pelajar meningkatkan ilmu pengetahuan, mengubah sikap ke arah lebih positif dan meningkatkan kemahiran dalam sesuatu perkara (Mcgladdery & Lubbe 2017).

Dalam konteks Islam, pelancongan pendidikan tidak terikat dengan satu bentuk kaedah yang khusus. Suasana yang selari dengan syariat Islam sepanjang tempoh pelancongan berlangsung dengan tujuan membangunkan rasa keimanan kepada Allah serta semangat untuk melakukan kebaikan terhadap manusia dan alam dilihat menepati konsep pelancongan pendidikan menurut Islam. Elemen pendidikan yang diintegrasikan dalam pelancongan membantu membina perspektif baharu dalam memahami sesuatu perkara, memperkayakan pengetahuan, menganalisis serta membuat keputusan dengan bijak sebagai hamba dan khalifah Allah (Fatemeh & Badaruddin 2015, Intan Shafina et al. 2018, Jabil et al. 2013, Sri Winarni et al. 2014).


Elemen teras ketiga ialah pelancongan berteraskan komuniti yang menjadi satu inisiatif untuk memperbaiki taraf dan kualiti hidup melalui aktiviti akar umbi yang dilakukan oleh komuniti. Tujuannya adalah untuk meningkatkan pendapatan dan membasmikan kemiskinan dalam kalangan komuniti luar bandar. Dalam masa yang sama, pelancongan berteraskan komuniti ini menjadi instrumen efektif dalam aspek pemeliharaan budaya dan sumber jaya melalui pengurusan keusahawanan yang baik (Jabil et al. 2015).

Pelancongan berteraskan komuniti di Malaysia adalah berbentuk operasi komuniti skala kecil atau *small-scale community-run operations*. Kejayaan pelancongan berteraskan komuniti ini bergantung kepada tahap penglibatan ahli komuniti. Justeru, setiap ahli komuniti digalakkan untuk menawarkan perkhidmatan mengikut kekuatan dan kemampuan masing-masing (Zaleha et al. 2018). Secara tidak langsung aktiviti pelancongan berasaskan komuniti ini menonjolkan elemen kepimpinan, komitmen pengurusan organisasi, pemeliharaan sumber dalam komuniti, pemasaran dan kerjasama yang erat sesama ahli komuniti dan pihak swasta atau agensi kerajaan bagi menjayakannya (Jabil et al. 2015). Melalui strategi pemasaran, perkhidmatan yang berkualiti dan

pengalaman yang disediakan untuk pengunjung, pelancongan berteraskan komuniti ini mampu menarik kehadiran pelancong ke komuniti mereka (Jabil et al. 2015).

Dengan berteraskan tiga konsep yang diuraikan, pondokstay dibangunkan sebagai satu program pelancongan pendidikan Islam berteraskan komuniti khususnya komuniti pondok sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah 2 di bawah.

Rajah 2: Tiga konsep teras pondokstay




Bersandarkan tiga konsep utama ini, pondokstay didefinisikan sebagai, "Satu bentuk **pelancongan berdasarkan komuniti** berteraskan **pendidikan Islam** yang membolehkan pengunjung (i) **merasai pengalaman** cara hidup dan suasana di pondok, (ii) **berinteraksi** secara langsung serta (iii) **mengalami aktiviti bersama** warga pondok dan komuniti setempat." Tujuan utama program pondokstay adalah untuk memberi satu pengalaman baru kepada pengunjung tentang kehidupan harian di pondok, di samping mengikuti aktiviti yang terdapat di pondok dan kawasan yang berdekatan yang mempunyai nilai budaya, ekonomi dan warisan tempatan, sama ada dari sudut *tangible* atau *intangible*. Perkara utama yang ditekankan adalah interaksi langsung berlaku antara pengunjung dan warga pondok sepanjang tempoh program pondokstay diaturkan.

KRITERIA DAN KEUNIKAN PONDOKSTAY UNTUK PELANCONGAN PENDIDIKAN ISLAM

Kriteria pondokstay menyepadan lima keunikan institusi pondok dan lima elemen utama program pelancongan sebagaimana yang ditunjukkan dalam rajah 3.

Rajah 3: Sepuluh kriteria utama pondokstay



Institusi pondok perlu memiliki sekurang-kurangnya lima kriteria iaitu a) tuan guru, b) pelajar, c) kitab, d) amalan spiritual dan e) persekitaran islamik. Tuan guru merupakan daya penarik pondok. Sesuatu pondok dinamakan mengikut nama tuan guru yang mengajar. Malah, penubuhan pondok adalah berpusatkan kepada tuan guru. Setiap seorang tuan guru berkebolehan mengajar pelbagai bidang ilmu dan mensyarahkan kitab-kitab utama dalam Islam. Tuan guru bukan sahaja berperanan sebagai pengajar kitab-kitab *turath* bagi menyebarkan ilmu agama atau *diniyah*, tetapi juga bertanggungjawab mendidik peribadi pelajar-pelajar agar menjadi mukmin yang sempurna (Jaafar et al. 2017, Syuhaida Idha et al. 2016). Tuan guru juga berperanan membimbing warga pondok dalam kehidupan harian khususnya dari aspek pembinaan sahsiah dan spiritual.

Pelajar pondok terdiri dari kumpulan yang menginap dan tinggal tetap dalam kawasan pondok. Mereka mungkin terdiri dari golongan warga emas yang memilih tinggal terus di pondok ataupun golongan pelajar dalam usia kanak-kanak ataupun remaja yang mengikuti pengajian di pondok. Keberadaan pelajar di pondok menghidupkan suasana pondok dengan majlis ilmu dan kehidupan yang berteraskan kepada ilmu dan nilai Islam.

Pengajian pondok merupakan sistem pengajian tradisional yang menawarkan pembelajaran ilmu-ilmu *turath* yang berteraskan kepada akidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah al-'Asha'irah wa al-Maturidiyyah* dan fekah Mazhab Syafie manakala tasawuf berdasarkan ulamak muktabar seperti Syeikh Junayd al-Baghdadi (215-297H) dan Imam al-Ghazali (1058-1111). Pengajian di pondok berlangsung dengan sesi pengajian kitab dari kulit ke kulit. Tuan guru akan mensyarahkan atau menghuraikan kitab yang lazimnya dalam Bahasa Arab ke dalam Bahasa Melayu agar difahami oleh pelajar. Terdapat juga pengajian kitab yang berteraskan kepada ilmu *turath* yang ditulis dalam tulisan jawi. Antara kitab yang menjadi silibus utama di pondok adalah *Bahrul Madhi*, *Minhajul Abidin*, *Khifayatul Muhtadi* dan *Hidayatul Subyan*. Pengajian ini boleh diikuti oleh pengunjung sama ada dalam bentuk harian mahupun daurah. Adakalanya ujian secara lisan yakni melalui soal jawab dengan guru akan dilakukan untuk mengenalpasti tahap kefahaman murid (Amir & Wan Haslan 2018, 2018, Syuhaida Idha Abd Rahim et al. 2016).

Selain mendahulukan kitab, warga pondok juga melazimi amalan harian yang dilakukan dengan berjemaah yang boleh diikuti oleh pengunjung adalah seperti solat, iftar dan bacaan zikir. Pada minggu atau bulan tertentu, aktiviti perayaan Islam turut disambut dengan meriah. Antaranya adalah majlis Haul, Maulidur Rasul dan sambutan Aidilfitri serta Aidiladha.

Suasana kehidupan di pondok dipelihara agar sentiasa berteraskan nilai Islamik yang mementingkan suasana pergaulan yang mesra dengan guru dan khidmat. Hubungan yang rapat dengan tuan guru, membolehkan pelajar dapat mencontohi akhlak dan peribadi tuan guru sama ada dalam urusan hubungan dengan Allah SWT dan makhluk. Hubungan mesra antara guru dan murid serta sesama warga memberikan suasana yang tenang dan harmoni apabila berada dalam kawasan pondok (Jaafar et al. 2017).


Sebagai institusi pengajian Islam yang paling awal bertapak di Malaysia dan telah mengalami perubahan seiring perkembangaan masa nilai utama pondok yang perlu dikekalkan ialah, i) keaslian ilmu yang mementingkan didikan dan pengajian bersanad iaitu yang bersambung dengan Rasulullah SAW, ii) ubudiyyah iaitu kehidupan di pondok yang mementingkan nilai ketaatan dan kepatuhan kepada Allah SWT serta menjalani kehidupan harian berdasarkan sunnah dan amalan Rasulullah SAW serta nilai suhbah dan khidmat, iii) rehlah iaitu suasana kerehatan

dan ketenangan kepada pengunjung, khususnya pada waktu luar pengajian kitab, iv) warisan budaya Melayu Islam, v) adab yakni hubungan kekeluargaan sesama warga pondok terjalin dengan adab dan kasih sayang serta vi) tazkiyah iaitu amalan kerohanian yang dilazimi secara berjemaah seperti solat, halaqah zikir dan majlis selawat memberikan elemen penyucian hati dan kemantapan iman kepada Allah SWT serta komited terhadap penghayatan Islam dalam kehidupan.

Bagi melengkap institusi pondok dengan elemen pelancongan agar berpotensi menawarkan pondokstay, setiap pondokstay perlu memiliki lima elemen asas iaitu i) penginapan, ii) kemudahan, iii) ketersampaian, iv) tarikan dan v) aktiviti yang bersesuaian untuk pengunjung atau pelajar. Dari segi penginapan, struktur tempat penginapan perlu berada dalam keadaan yang baik, bersih stabil dan selamat, mempunyai bekalan elektrik dan air yang baik, menyediakan kemudahan seperti almari, kipas, lampu, cermin, soket elektrik, meja dan kerusi, menyediakan sekurang-kurangnya satu bilik air dan tandas di ruang tempat tidur tetamu, menyediakan makanan dan memastikan kebersihan dan tahap keselesaan di pondok berada dalam keadaan yang baik. Selain itu, pondok juga perlu menyediakan kemudahan sampingan lain seperti tuala, keperluan solat, sabun, seterika, peti ais dan item yang dapat menambah keselesaan pengunjung. Dari segi lokasi pula, faktor kebolehsampaian pondokstay melibatkan lokasi yang mudah diakses, jaringan pengangkutan yang baik, liputan komunikasi dan kedudukan yang berhampiran dengan lokasi pelancongan yang lain.

Setiap pondokstay juga mempunyai daya tarikan yang tersendiri seperti cara hidup pondok yang menampilkan gaya hidup Melayu Islam, hubungan *suhbah* yang wujud antara guru dan murid, seni bina dan rekabentuk pondok, lanskap dan persekitaran yang indah, program yang dianjurkan atau produk yang dihasilkan oleh komuniti pondok. Selain itu, aktiviti yang ditawarkan juga boleh melibatkan tiga bidang utama iaitu, (i) pendidikan yang apabila terdapat pemindahan ilmu, kemahiran dan pengalaman dari warga pondok kepada pengunjung, (ii) pelancongan yang berlaku apabila elemen santai dan rehat wujud dalam aktiviti seperti ziarah, lawatan dan rekreasi dan (iii) keusahawanan yang berlaku apabila peluang untuk memperolehi pendapatan melalui penjualan produk pondok dan orang kampung. Semua aktiviti yang dirancang menggalakkan penglibatan secara aktif dan langsung antara pengunjung dan warga pondok dan orang kampung. Secara keseluruhannya, konseptual pondokstay dapat digambarkan dalam rajah di bawah:

Rajah 4: Konseptual Pondokstay



NILAI PENDIDIKAN DALAM PONDOKSTAY

Berdasarkan konseptual pondokstay beserta kriteria dan keunikan pondokstay yang dihuraikan, dapat dinyatakan bahawa pondokstay boleh ditawarkan kepada pengunjung dalam dan luar negara yang ingin meneroka dan merasai sendiri suasana kehidupan di pondok dan desa secara dekat serta mendapatkan pengalaman pengajian Islam dalam suasana pondok. Pengunjung yang ingin menikmati suasana kehidupan kampung dan melakukan aktiviti budaya Melayu – Islam yang wujud di pondok serta mempelajari nilai kehidupan dari persekitaran yang baik (biah solehah) juga sesuai untuk melalui pengalaman di pondokstay.

Aktiviti yang disediakan oleh pihak pondok sama ada *tourism first* atau *education first* (Ritchie 2003) bergantung kepada pakej yang disediakan atau permintaan dari pengunjung sendiri. Bagi pengunjung yang ingin merasai suasana pembelajaran di pondok dan menekankan aspek *education first*, maka elemen pendidikan adalah lebih utama. Aktiviti seperti (i) mengikut pengajian kitab, (ii) ceramah mingguan (iii) daurah hujung minggu atau (iv) halaqah zikir disusun lebih banyak berbanding aktiviti lain yang bersifat *outdoor*. Elemen *tourism first* menjadi lebih utama apabila pengunjung menginap dan merasai kehidupan di pondok serta ingin meneroka suasana menarik di kawasan pondok. Aktiviti seperti (i) menziarahi tuan guru, (ii) ziarah makam atau muzium, (iii) lawatan ke masjid atau galeri, (iv) lawatan ke tempat bersejarah atau tempat pelancongan berdekatan, (vi) aktiviti sukan sunnah seperti berkuda dan memanah serta (vii) pendedahan budaya Melayu seperti kesenian atau makanan tradisi lebih banyak diisi semasa tempoh penginapan di pondok.

Namun begitu, dalam konsep pelancongan pendidikan yang lebih luas, aktiviti pelancongan yang bersifat *outdoor* juga mengandungi elemen pendidikan apabila terdapat “guru” atau “pemandu pelancong” yang dapat menerapkan nilai-nilai pendidikan yang dikehendaki kepada pengunjung. Elemen pendidikan dan proses pembelajaran diperolehi oleh pengunjung sepanjang proses menjalani atau merasai sendiri pengalaman hidup di pondok dan melakukan aktiviti yang dirancang serta melakukan refleksi kendiri atau berkumpulan.

Nilai pendidikan dalam tempoh penginapan pondokstay berlaku apabila terdapat perubahan dari sudut kognitif, afektif dan tingkahlaku para pengunjung (McGladdery 2016). Dari sudut kognitif, pengunjung memperolehi peningkatan ilmu mengenai cara hidup Islam, budaya Melayu dan seni warisan tradisional. Dari sudut afektif pula, pengunjung dapat merasai dan menghargai nilai Islam dan Melayu yang terdapat di Nusantara serta menghargai keunikan budaya masyarakat dan keindahan alam. Manakala, dari sudut tingkahlaku, jalinan hubungan dan komunikasi yang baik dengan warga pondok dan orang kampung dapat dibentuk. Dengan kesepadan nilai pendidikan yang melibatkan domain kognitif, afektif dan psikomotor ini, pondokstay berpotensi menjadi satu wadah pendidikan yang dapat melahirkan insan yang sepadu dan seimbang.

PENUTUP

Pembangunan konseptual pondokstay membuka ruang kepada wujudnya kegiatan pelancongan pendidikan di institusi pondok. Pondokstay memberi peluang kepada masyarakat umum mengalami cara hidup dan suasana pondok bersama warga pondok dan penduduk kampung. Dengan ini, pondok memperolehi sumber pendapatan dan kegiatan dakwah serta pendidikan Islam kepada masyarakat dapat disebarluaskan. Dari segi pendidikan, pondokstay ini dapat

menyepadukan ilmu yang berteraskan ilmu wahyu beserta ilmu moden yang diajar di universiti. Selain itu, segala persepsi buruk yang mengaitkan pondok dengan aspek ekstremisme atau terrorisme juga dapat diatasi dengan cara penuh hikmah dan berkesan di samping memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pendidikan Islam di peringkat dunia.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Pusat Pelancongan Islam (Islamic Tourism Center) yang telah menaja penyelidikan di bawah Islamic Tourism Research Grant (2019) kod penyelidikan (ITC/RT/01/5/KLT.3)

RUJUKAN

- Afandi Fikri. (2007). *Pembangunan Kandis Resource Centre - Pemangkin Pelancongan Pendidikan*. Tesis Perancangan Pelancongan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Akmaliza Abdullah, Badlihisham Mohd Nasir, Abdul Hafiz Abdullah, Siti Suhaila Ihwani & Adibah Muhtar (2018). *Komentar Awal Kajian Potensi Pelancongan Ilmu di Institusi Pondok*. Laporan Akhir Geran Penyelidikan Pelancongan Islam, Pusat Pelancongan Islam, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.
- Amir Sharifuddin, & Wan Haslan Khairuddin. (2018). *The Contribution of Knowledge and Islamic Social Development According To the Tradition of Tok Wan Ali Kutan*. *Al-Qanatir*, 9(1), 1–10.
- Anastasia A. Maga, & Peter E. Nicolau. (2018). *Conceptualizing Educational Tourism and the Educational Tourism Potential* (evidence from ASEAN countries). *Advances in Economics, Business and Management Research* (AEBMR), 39, 343–348.
- Auni Aisha Mohd Nawi, & Habibah Ahmad. (2018). *Kepuasan dan Pengalaman Pelajar terhadap Program Edupelancongan Kampus UKM*. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(3), 1–16.
- Crescent Rating (2015), *Muslim/Halal Travel Market: Basic Concepts, Terms and Definitions*. Crescent Rating: Singapore.
- Di Domencio, M. L & Lynch, P. A. (2007). *Host/Guest Encounters in the Commercial Home*. *Leisure Studies*, 26(3), 321–328.
- Duman, T. (2011). *The Value of Islamic Tourism*: Islamic and Civilisational Renewal, 3(4), 12–13.
- Duman, T. (2011), *The Value of Islamic Tourism: Perspectives from the Turkish Experience*, presented at the World Islamic Tourism Forum (WITF 2011), Kuala Lumpur.
- Er Ah Choy. (2013). *Pembangunan Pelancongan Lestari di Melaka: Perspektif pelancong*. Malaysian Journal of Society and Space, 9(3), 12–23.
- Fatemeh Shafaei, & Badaruddin Mohamed. (2015). *Malaysia's Branding as an Islamic Tourism Hub: An Assessment*. *Malaysia Journal of Society and Space*, 11(1), 97–106.
- Ghazali, M. A.I., & Md. Sawari, S. S. (2014). *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. International Journal of Islamic and Civilization Studies, 01(2016), 35–44.
- Ghanem, Joey. (2017). *Conceptualizing “the Tourist”: A Critical Review of UNWTO Definition*. Master Thesis. Faculty of Tourism, Universitat de Girona. https://dugi-doc.udg.edu/bitstream/handle/10256/14825/GhanemJoey_Treball.pdf
- Haliza Rahman. (2018). *Potensi dan Cabaran dalam Memajukan Pelancongan Islam di Malaysia* *Potential and Challenges in Islamic Tourism in Malaysia*. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, (Special Issue), 506–518.

- Ibrahim, M., & Rahim, R. C. (2013). *Push and Pull Factors Toward Intention to Engage in "Pondok Pelancongan" Program*. In Proceeding of the International Conference on Social Science Research (Vol. 2013, pp. 247–260)
- Intan Shafina Suid, Nor Ashikin Mohd Nor, & Hamimi Omar. (2018). *A Review o Islamic Tourism and the Practical of Islamic Attributes of Destination in Tourism Business*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 7(12), 255–269. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v7-i12/3609>
- Jaafar, N., Abd Ghani, Z., Tibek, S. R., Mohd Nor, A. H., Gunardi, S., Ismail, N. A., Darmi, R., Mat Saad, N. S., Idrus, M. M., Abdullah, H., Ishak, M., Ismail, H., & Sulaiman, A. (2017). *Cabaran Institusi Pendidikan Pondok Serta Impak Terhadap Pembentukan Diri Pelajar*. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED), 2(6), 223 - 235.
- Jabil Mapjabil, Ratna Roshida Abd Razak, Mazdi Marzuki, & Rosmiza Mohd Zainol. (2013). *Pelancongan Islam : Suatu tinjauan konseptual dan relevannya di Malaysia*. Malaysia Journal of Society and Space, 11(1), 527–540. <https://doi.org/10.1002/jtr.824>
- Jabil Mapjabil, Ratna Roshida Abd Razak, Mazdi Marzuki, & Rosmiza Mohd Zainol. (2017). *Pelancongan Islam: Suatu tinjauan konseptual dan relevannya di Malaysia (Islamic tourism: A conceptual review and its relevance in Malaysia)*, 11(1), 172–182.
- Jabil Mapjabil, Suriani Che Ismail, Badariah Ab Rahman, Masron, T., & Ruzila Ismail. (2015). *Homestays - Community programme or alternative accommodation ? A re-evaluation of concept and execution*. GEOGRAFIA Online TM Malaysian Journal of Society and Space, 11(12), 1–8.
- Jasni Sulong. (2015). *Pondok Education in Seberang Perai: Its Evolution and Uniqueness*. Kajian Malaysia, 33(Supp. 2), 75–90.
- Kiki Rizki Makiya, Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, & Er Ah Choy. (2016). *Kepuasan Pelancong Terhadap Layanan Selamat Datang*. E-Bangi: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Oct(2), 37–48.
- Kolb, D. A. (1984). *Experiential learning: Experience as the source of learning and development*. Englewood Cliffs: Prentice-Hall
- Maimun Aqsha Lubis. (2015). *Institusi pondok dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia*. Proceeding The 7th International Workshop And Conference Of ASEAN Studies On Islamic And Arabic Education And Civilization (Poltan-Ukm-Polimed), (June).
- Mariam Abd. Majid, Sahlawati Abu Bakar, Safinah Ismail, & Ahmad Zabidi Abdul Razak. (2017). *Program Pendidikan Warga Emas Di Institusi Pondok Al-Jenderami Negeri Selangor*. Jurnal Hal Ehwal Islam Dan Warisan Selangor, 1(1), 1–13.
- Mazne Ibrahim, Rosliza Che Rahim, & Nik Mohd Ikram Mohamed Nor. (2013). *Push and Pull Factors Toward Intention to Engage in "Pondok Pelancongan" Program*. Proceeding of the International Conference on Social Science Research, 2013 (June 2013), 247–260.
- Mcgladdery, C. A., & Lubbe, B. A. (2017). *International educational tourism : Does it foster global learning? A survey of South African high school learners*. Tourism Management, 62, 292–301. <https://doi.org/10.1016/j.tourman.2017.05.004>
- Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Pisol Maidin, Muhammad Yusri Yusof @ Salleh, Paiz Hassan, Abd. Munir Mohd Noh, & Muhd Imran Abd. Razak. (2017). *Survival of the Pondok Learning Institution in Malaysia*. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 7(3), 822–830. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v7-i3/2850>
- Muhammad Hanif Othman, Noorihsan Mohamad, Gairuzazmi Mat Ghani, & Muhammad Irwan Ariffin. (2018). *Malaysia's tourism demand: a gravity model approach (Permintaan Pelancongan di Malaysia: pendekatan model graviti)*. Journal of Business and Social Development, 6(1), 39–50.

- Nasrun S, & Norhayati Hamzah. (2013). *Peranan Pondok Pesantren Di Kerinci Jambi Indonesia Dalam Perkembangan Pendidikan Islam*. Al-Tamadun, 8(1), 189–209.
- Ng Sheue Li, Habibah Ahmad, & Hamzah Jusoh. (2016). *Aset Kampus sebagai tarikan edupelancongan UKM Kampus Bangi*. GEOGRAFIA OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space, 12(12), 113–128.
- Parveen Kaur, Arif Jawaid, Norizan Abu Othman. 2016. *The Impact of Community Based Tourism on Community Development in Sarawak*. Journal of Borneo Kalimantan. 15-26. http://www.borneo.unimas.my/images/jbk2016/2_community-tourism_Parveen_ArifNorizan.pdf
- Pitman, T., Broomhall, S., McEwan, J., & Majocha, E. (2010). *Adult learning in educational tourism*. Australian Journal of Adult Learning, 50(2), 219e238.
- Ritchie, B. W. (2006). *Managing Educational Tourism*. India: Viva Books Private Limited.
- Ritchie, B. W. (2003). *Managing educational tourism*. Clevedon, Bristol: Channel View Publications.
- Roslan, M., Nor, M., Zaki, A., Ibrahim, B., Yusof, A., Zakaria, M. F., Ramli, M. (2012). *Early History of Islamic Education and its Expansion in the State of Kelantan*, Malaysia Islamic Academy, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Islam Selangor (KUIS), 11(8), 1153–1160. <https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2012.11.08.22703>
- Ruzanna Syamimi Ramli, Badariah Ab Rahman, Jabil Mapjabil, Logeswaran Tangavello, Rosmiza Mohd Zainol, Mazdi Marzuki, & Ismail, R. (2015). *Pelancongan pendidikan di Pulau Pinang: Suatu analisis awal*. Malaysian Journal of Society and Space, 11(12), 74–86.
- Ruzanna Syamimi Ramli, Jabil Mapjabil, Ahmad Tharmizzie Mat Jusoh, & New Gaik Ling. (2011). *Pelancongan Pendidikan : Tinjauan Konseptual dan Potensinya di Malaysia (Education Tourism : Conceptual Review and Its Potential in Malaysia)*. Prosiding Perkem IV, Jilid 2, 2, 38–47.
- Salmiah Ismail, Zainab Ismail, & Salasiah Hanin Hamjah. (2014). *Kemapanan Institusi Pondok di Kelantan : Kajian Konsep (Sustainability of Pondok Institution in Kelantan : A Concept Study)*. Islamiyyat, 36(1), 49–52.
- Samsir, S. W., Ahmad, H., Jusoh, H., Ah, E., Buang, A., & Mahmud, M. (2017). *Pengintegrasian elemen pendidikan dalam pembangunan produk rekreasi di Tapak Warisan Dunia Melaka: Pendekatan pengusaha pelancongan*. Geografia - Malaysian Journal of Society and Space, 10(8), 13–25.
- Scott, N. and, J. (2010), *Introduction: Chapter 1*, in Noel Scott, Jafar Jafari (ed.) *Tourism in the Muslim World (Bridging Tourism Theory and Practice, Volume 2*, Emerald Group Publishing Limited, pp.1-13.
- Shafeai, F. and Mohamed, B. (2015), *Malaysia's Branding as an Islamic Tourism Hub: An Assessment*, Malaysia Journal of Society and Space, 11 (1), pp. 97 – 106.
- Siti Kasmera Ariffin, Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mohd Ekhwan Toriman, Sri Winarni Samsir, & Mushrifah Idris. (2016). *Pendekatan strategik dalam pelancongan pendidikan di destinasi ekopelancongan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) (Strategic approaches in educational tourism in ecotourism sites in the East Coast Economic Region)*. Geografia - Malaysian Journal of Society and Space, 12(12), 25–39.
- Siti Nur Aafifah Hashim, & Muslihah Mazlan. (2018). *Pelancongan Zuhud : Analisis Ayat-Ayat Al-Quran*. Jurnal Ulwan, 1, 89–98.
- Sri Winarni Samsir, Habibah Ahmad, & Hamzah Jusoh Mastura. (2014). *Pengintegrasian elemen pendidikan dalam pembangunan produk rekreasi di Tapak Warisan Dunia Melaka (Pendekatan pengusaha pelancongan Integrating educational elements in recreational tourism development of the Melaka World Heritage) Site: Approaches from t*, 8(8), 13–25.

- Statistical Economic And Social Research And Training Centre For Islamic Countries (SESRIC). (2017). *Strategic Roadmap For Development of Islamic Tourism in OIC Countries*. OIC.
- Syuhaida Idha Abd Rahim, Mohd Asmadi Yakob, Siti Khurshiah Mohd, & Rukiah Mohamad. (2016). *Talaqqi Method in Teaching and Learning Islamic Education at Pondok Institutions*. Global Journal of Business and Social Science Review, 4(3), 68–73.
- UNWTO, (2011), *Religious Tourism in Asia and the Pacific*. Madrid: UNWTO Publications.
- Van 'T Klooster, E. (2014). *Travel to learn: The influence of cultural difference on competence development in educational travel*. Unpublished doctoral thesis. Rotterdam: Erasmus University Rotterdam.
- Zain, S. M., Basri, N. E. A., Basri, H., Elfithri, R., Mohd Tazilan, A. S., Ahmad, M., Khan, I. A. I. (2011). *The enhancement of sustainable humanitarian mind model by UKM Lestari Program*. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 18, 666–673. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2011.05.098>
- Yanes, Andrea; Zielinski, Seweryn; Cano, Marlenny Diaz; Kim, Seong-il. 2019. *Community-Based Tourism in Developing Countries: A Framework for Policy Evaluation*. Sustainability 11 (2506): 1-23.
- Zaleha Mohamad, Wan Nurul Aina Wan Bukhari, Yusnita Yusof, Kalsitinoor Set, Nur Aishah Awi, & Isma Rosila Ismail. (2018). *Kelestarian usahawan inap desa sebagai satu agen pembangunan sosioekonomi komuniti*. Journal of Tourism, Hospitality and Environment Management, 3(9), 104–116.